

UiTM juara taekwondo

Oleh NORZASRU DIN

MOHAMED NOR
norzasrudin@kosmo.com.my

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) dinobatkan selaku juara keseluruhan dalam acara taekwondo pada temasya Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) Fasa II.

Meskipun gagal menambah kuitipan pingat emas pada hari terakhir acara tersebut di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan semalam, UiTM unggul dengan tujuh pingat emas dan masing-masing satu pingat perak serta gang-

sa.

Mereka menewaskan dua pencabar terdekat iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang hanya membawa pulang empat pingat emas.

Sementara itu, juara bertahan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan bertemu UiTM pada final acara futsal lelaki yang akan berlangsung di Sports Planet Kajang, Selangor hari ini.

Kedua-dua pasukan berjaya menempah slot ke final selepas mudah menewaskan lawan masing-masing pada aksi separuh akhir.

hir.

UIAM meneruskan rentak cemerlang dengan membelasah Universiti Malaya (UM) 3-0 hasil gol Mohd. Israfil Bunyamin, Florin Musa dan Mohd. Nazir Mohd. Radzi pada separuh masa pertama.

Manakala Mohd. Ali Mohamad muncul wira UiTM apabila dia menjaringkan kesemua empat gol untuk menamatkan cabaran Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

UiTM mencipta satu lagi sejarah apabila menempah satu lagi slot ke final dalam acara futsal

wanita selepas menang 1-0 ke atas Universiti Putra Malaysia (UPM) pada aksi separuh akhir.

Gol kemenangan UiTM diperoleh menerusi Farhana Abdullah pada babak pertama permainan.

Juara bertahan, UiTM akan bertemu Universiti Sains Malaysia (USM) pada babak final yang menang 2-0 ke atas Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Dalam acara bola baling wanita, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), UiTM, UM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) layak ke separuh akhir.

UKRC perhebat program pembangunan

KELAB Rekreasi Ulu Klang (UKRC) terus memperhebatkan program pembangunan bola sepak, lapor SAHLIZAH MOHAMED.

Agenda terbaru yang bakal dilangsungkan ialah Kejohanan Bola Sepak UKRC bawah 12 tahun pada 6 Jun ini.

Setakat ini, sebanyak 16 pasukan telah mengesahkan penyertaan untuk menyertai kejohanan sehari itu.

Antara yang telah mengesahkan penyertaan masing-masing ialah juara bertahan, Kuala Lumpur Youth Soccer, Bintang Biru (Pulau Pinang), Royal Selangor Club, UKRC A, UKRC B dan Astaka FC, Kuala Lumpur.

Pengerusi jawatankuasa kejohanan, Andrew Gopal berkata, kejohanan yang memasuki tahun kedua itu merupakan platform untuk mendedahkan pemain muda kepada kejohanan yang kompetitif dan pada masa yang sama mengasah bakat yang mereka miliki.

"Selain itu, kejohanan tersebut juga memainkan peranan sebagai satu medan untuk menggalakkan hubungan persahabatan antara satu sama lain.

"Kami juga mahu kemahiran mereka dalam sukan bola diasah daripada peringkat awal agar apabila dewasa nanti, mereka telah benar-benar bersedia untuk melibatkan diri dalam sukan bola sepak," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran kejohanan itu di ibu negara baru-baru ini.



ANDREW (empat dari kanan) bersama wakil penaja pada majlis penyerahan tajaan di Kelab UKRC, Hulu Klang baru-baru ini.

Menurut Andrew, walaupun kejohanan ini masih ada seminggu lagi untuk dilangsungkan, penyertaan masih lagi dibuka.

"Mana-mana pasukan yang berminat masih boleh membuat pendaftaran sebelum tarikh tutup pada 1 Jun," katanya.

Bagi pasukan yang tidak layak, mereka akan beraksi dalam kategori plate.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kejohanan ini, pasukan-pasukan yang berminat boleh menghubungi Jeffrey Lau di talian 016-2759217.



SUKAN MASUM FASA II
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
23-30 MEI 2010
www.masum.org.my

SUKAN MASUM FASA II

Jadual Hari Ini

BOLA BALING (LELAKI/WANITA)

Venue: Kompleks Sukan USIM, Nilai, N. Sembilan
Masa: 8 pagi (separuh akhir)

BOLA KERANJANG (LELAKI)

Venue: Stadium Tertutup Nilai, N. Sembilan
Masa: 8.30 pagi (separuh akhir)
Masa: 5.30 petang (penentuan tempat ketiga/keempat)

BOLING PADANG

Venue: Kompleks Boling Padang, Seremban 2, NS
Masa: 9.30 pagi - 5 petang (final)

FUTSAL (LELAKI/WANITA)

Venue: Sports Planet Kajang, Selangor
Masa: 9 pagi (final dan penentuan tempat ketiga/keempat)

Kedudukan Pingat

	EMAS	PERAK	GANGSA
UiTM	7	1	1
UMS	4	2	3
UPM	4	0	1
USM	3	0	0
UIAM	2	0	6
UKM	1	5	8
UPNM	0	2	3
UM	0	2	1
UniMAP	0	2	1
UUM	0	1	4
UTEM	0	1	4
USIM	0	1	2
UTM	0	1	2
UMP	0	1	0
UDM	0	1	0
UMT	0	1	0
UPSI	0	0	1